

15/12/2001

Pengusaha stesen minyak diminta tingkat khidmat

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kenaikan komisen pengusaha stesen minyak sebanyak 29 peratus bagi petrol dan 18 peratus bagi diesel, dijangka meningkatkan lagi mutu perkhidmatan stesen minyak di seluruh negara.

Presiden Persatuan Pengusaha Stesen Minyak Melayu Malaysia (Pestem), Datuk Yaakub Ali Shah Md Ali Shah berkata pihaknya berharap pengusaha stesen minyak dapat memberi layanan lebih baik kepada pengguna.

"Kenaikan ini adalah kejayaan terhadap perjuangan kami selama tujuh tahun. Justeru, kita harap semua pengusaha stesen minyak dapat menjaga mutu perkhidmatan dan tidak mempersia-siakan sumbangan kerajaan.

"Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna," katanya mengulas mengenai kenaikan komisen pengusaha stesen minyak sebanyak 1.82 bagi setiap liter petrol dan 0.53 sen bagi seliter diesel, berkuat kuasa 1 Januari.

Semalam, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin berkata dengan kadar baru itu, komisen petrol RON97 dan RON92 yang diterima pengusaha stesen minyak di Semenanjung akan meningkat kepada lapan sen berbanding 6.18 sen sekarang.

Komisen bagi seliter petrol RON97 di Sabah dan Sarawak pula dinaikkan kepada 7.97 sen berbanding 6.15 sen, manakala RON92 meningkat daripada 5.44 sen seliter kepada 7.26 sen.

(END)